



# ***CTSB*** ***Newsletter***

Author: Nur Syafiqah Maarof  
Editor: Siti Amira Aisyah

Vol. **09**

# Latihan Kewangan

## Modul EPBT

Latihan bagi naiktaraf Modul Kewangan Sistem ePBT 3.0 telah diadakan selama 8 hari bersama 8 PBT yang telah bersetuju untuk menaiktaraf sistem. Latihan tersebut telah dijalankan di Bilik Latihan Tingkat 8, Menara MSC Cyberport. Ianya dijalankan bagi persediaan go-live naiktaraf sistem pada Januari 2024 mengikut perancangan yang telah dijalankan. Persediaan dalaman telah dijalankan lebih awal 2 minggu sebelum latihan dijalankan dan objektif adalah bagi melatih internal team bagi persediaan go-live PBT.

05/11/2023 (AHAD) - 06/11/2023 (ISNIN)  
MDL, MDSR, MDYP

08/11/2023 (RABU) - 09/11/2023 (KHAMIS)  
MDM, MPBP

14/11/2023 (SELASA) - 15/11/2023 (RABU)  
MPK, MPM

19/11/2023 (AHAD) - 20/11/2023 (ISNIN)  
MDKT



# PRODUCTIVITY STEP-UP DRONE TRAINING

@ MPC WILAYAH SELATAN

08/11/2023 (RABU) - 09/11/2023 (KHAMIS)

Pada 8 & 9 November 2023 yang lalu, pihak Perbadanan Produktiviti Malaysia (MPC) telah menganjurkan Program 'Productivity Step Up For Construction Sector' dengan kerjasama CIDB negeri Johor dan MSC Cyberport Sdn. Bhd. Program ini dijalankan khusus untuk industri pembinaan yang bertujuan untuk menggalakkan penggunaan aplikasi digital dalam meningkatkan produktiviti dan kecekapan syarikat di sektor berkenaan.

Program yang dijalankan di Dewan MPC Wilayah Selatan yang berlangsung selama 2 hari berturut turut ini, telah melibatkan 20 orang peserta dari 17 syarikat dalam sektor pembinaan negeri Johor. Sebagai Perunding Teknologi yang dilantik oleh MPC dalam program ini, MSC Cyberport telah bekerjasama bersama Pahang Skills untuk menggunakan teknologi Dron sebagai kaedah untuk meningkatkan kecekapan di dalam sektor pembinaan. Para peserta akan didedahkan secara teori dan praktikal berkaitan penggunaan dron di dalam pelaksanaan projek pembinaan mereka.

Setelah program tamat, para peserta akan dibekalkan Dron percuma oleh pihak MSC Cyberport. Sesi penyerahan Dron telah disampaikan oleh Yusuf, Robotics Engineer dari MSC Cyberport kepada semua syarikat yang terlibat sepanjang program dijalankan.

Para peserta juga perlu menyiapkan Laporan Akhir Projek selama 2 minggu setelah program tamat, dengan mengaplikasikan penggunaan teknologi Dron dalam laporan mereka.



# EXHIBITION ASEAN FUTURE CITIES CONFERENCE 2023

@ BERJAYA TIMES SQUARE HOTEL KUALA LUMPUR  
21/11/2023 (SELASA) - 22/11/2023 (RABU)

CTSB antara syarikat yang telah mengambil bahagian dan merupakan salah satu pempamer di Asean Future Cities Conference 2023 yang dijalankan di Berjaya Times Square Hotel Kuala Lumpur yang bertemakan 'Connecting Cities for a Smarter Tomorrow'.

Persidangan yang diadakan sebagai untuk menambah baik ekosistem bandar yang merangkumi infrastruktur, keselamatan makanan, penjagaan kesihatan dan perkhidmatan Kerajaan dalam membentuk era baru ke arah masa depan yang lebih baik. Antara sorotan persidangan termasuk Infrastruktur, Penglibatan Rakyat, Tadbir Urus Pintar, Kemampunan dan Kesan Alam Sekitar, Inovasi Digital dan Pembangunan Ekonomi.



En Ramlee bin Jaafar bersama YBRS. TPr. Dr. Alias Bin Rameli, Ketua Pengarah PLANMalaysia



Hasilnya, CTSB menerima maklum balas yang positif dan peluang yang menarik dalam kolaborasi dan perniagaan. Staf CTSB yang ditugaskan sebagai pempaper adalah Elisa, Yusuf dan Habibah dengan penglibatan En Ramlee.

# SESI CHANGE MANAGEMENT MAJLIS BANDARAYA KUANTAN

@ HOTEL RENAISSANCE JOHOR BAHRU  
24/11/2023 (JUMAAT)

Sesi Change Management telah diadakan bersama Datuk Bandar, Setiausaha, Ahli Majlis, Pengarah Jabatan dan Pegawai Teknologi Maklumat. Sesi tersebut dijalankan pada 24hb November 2023 bertempat di Hotel Renaissance.

Tujuan Change Management adalah bagi pendekatan sistematik untuk menangani peralihan atau transformasi matlamat, proses atau teknologi organisasi. Ia adalah bagi melaksanakan perubahan, mengawal perubahan dan membantu orang ramai menyesuaikan diri dengan perubahan.



# DEMO SISTEM ERP BAGI MOBILUS SDN BHD

@ TEGAS DIGITAL VILLAGE, KUCHING SARAWAK  
28/11/2023 (SELASA)

Pembentangan CTSB dan Remicle Sdn Bhd berkaitan Sistem ERP kepada syarikat Mobilus Sdn Bhd telah dijalankan di Tegas Digital Village, Kuching Sarawak.

Pembentangan tersebut adalah pembentangan kali kedua yang telah dijalankan bagi melihat keseluruhan ketersediaan sistem yang telah dibangunkan oleh Remicle.

